

ZEC MENAMBAH BAIK TENAGA SISTEM PERTAHANAN

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5560-zec-menambah-baik-tenaga-sistem-pertahanan

BUTTERWORTH, 29 Okt 19 - Inovasi Pangkalan Udara Butterworth atau dikenali sebagai 'Zenith Energy Current' (ZEC) telah dipilih oleh pemerintah Markah Wilayah Udara 1 sebagai salah satu alternatif penambahbaikan sistem tenaga pertahanan udara negara.

Pegawai Memerintah PSP, Mej Hairul Zaimy Ibrahim TUDM selaku pegawai projek ZEC telah mengadakan kajian awal terhadap kebolehgunaan kepada peralatan yang bakal ditambah baik iaitu sistem Starstreak daripada Skn 401 GBAD. Hasil kajian dan berdasarkan pemeriksaan spesifikasi peralatan persenjataan tersebut, ZEC mampu membantu menambah baik tenaga sistem pertahanan tersebut menggunakan gabungan teknologi solar dan hibrid.

Projek ini bakal dibangunkan oleh TUDM bersama pegawai kejuruteraan juruteknik terlatih. Diharapkan projek ini mampu memberi impak, kesiapsiagaan serta permulaan anjakan teknologi ketenteraan dan menjadi model Inovasi kementerian pertahanan.

